

08 AUG 1999

Analisis-PAS

PENGANALISIS: RANCANGAN PAS UNTUK TUMBANG BN TIDAK REALISTIK

Oleh: ABDUL HALIM TAIB

KUALA LUMPUR: Ketika tarikh pilihan raya umum akan datang terus menjadi tanda tanya, PAS nampaknya begitu ghairah sekali cuba meyakinkan umum bahawa ia berupaya menumbangkan Barisan Nasional pada kali ini dan seterusnya menubuhkan sebuah pemerintahan Islam di Malaysia.

Parti pembangkang itu mendakwa, selain bertahan dengan mudah di Kelantan, ia juga tidak akan menghadapi masalah untuk menawan beberapa negeri yang majoriti pengundinya Melayu termasuk Terengganu, Kedah dan Perlis.

Bagaimanapun, kebanyakan penganalisis politik ragu-ragu dengan dakwaan itu dan menganggap ia satu lagi impian PAS yang tidak mungkin menjadi kenyataan, walaupun ia mungkin mempunyai sedikit kelebihan di Kelantan yang ditawannya daripada BN pada pilihan raya umum 1990 dengan kerjasama Parti Melayu Semangat 46 (S46), Berjasa dan Hamim.

Mereka juga sependapat bahawa ikrar PAS untuk membentuk sebuah pentadbiran Islam di Malaysia tidak akan dapat diterjemah menjadi realiti, sekalipun ditakdirkan berlaku keajaiban sehingga PAS dapat menumbangkan BN.

Pengamatan mereka berasaskan kepada penguasaan semasa BN ke atas Parlimen. Pada pilihan raya umum 1995, ia memenangi 162 daripada 192 kerusi Parlimen, sementara selebihnya dimenangi pembangkang atau calon bebas. Berikutan beberapa perkembangan yang berikutnya, bilangan kerusi yang dikuasai BN sekarang telah meningkat kepada 166.

PAS sendiri sekadar menguasai lapan kerusi, enam yang dimenangnya di Kelantan dan satu di Terengganu, sementara kerusi yang kelapan dimenangnya pada satu pilihan raya kecil di Arau Julai tahun lepas.

Sebaliknya, UMNO sendiri kini menguasai 95 kerusi Parlimen, termasuk 89 yang dimenangi pada 1995 dan enam lagi, semuanya dari Kelantan, yang diperolehi secara percuma apabila penyandang-penyandanginya yang mewakili S46 menyertai Umno berikutan pembubaran parti pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah itu pada Oktober 1996.

Bagaimanapun, Umno turut kehilangan satu kerusi apabila bekas timbalan presidennya yang juga anggota Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilucutkan keanggotaan parti sehari selepas dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada September tahun lalu.

Menurut pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Prof Madya Datuk Mahadzir Mohd Khir, berdasarkan statistik itu, PAS perlu menawan sekurang-kurangnya 97 kerusi untuk mendapat majoriti mudah di Parlimen, yakni tambahan sebanyak 89 kerusi lagi daripada jumlah kerusi yang dikuasainya sekarang.

Sebaliknya, jika ia mahu menguasai majoriti dua-pertiga di Parlimen, PAS mestilah memenangi 128 kerusi, atau tambahan sebanyak 120 kerusi lagi daripada bilangan yang dikuasainya sekarang.

Menurutnya, jika formula pengagihan kerusi menjadi kenyataan antara parti-parti utama yang menganggotai satu pakatan parti-parti pembangkang, yang hingga ini belum terbentuk secara muktamad, ia bermakna PAS, DAP dan KeAdilan (pimpinan isteri Anwar Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail) masing-masing perlu memenangi 64 kerusi. Ini sekali gus bermakna PAS perlu memenangi 56 lagi kerusi selain mempertahankan lapan kerusi yang dikuasainya sekarang.

Mahadzir berkata, berasaskan perkiraan itu, PAS daripada segi logiknya akan hanya memperolehi begitu banyak kerusi tambahan jika ia dibantu oleh

"kuasa Superman" pada pilihan raya kali ini.

Beliau juga tidak yakin rancangan PAS untuk mewujudkan sebuah pemerintahan Islam akan menjadi kenyataan jika sekalipun prestasinya begitu terserlah sehingga berjaya memenangi separuh daripada 192 kerusi Parlimen pada pilihan raya itu. Ini ialah kerana ia terpaksa terlebih dahulu berunding dengan rakan kerjasama utamanya iaitu DAP yang sejak sekian lama begitu lantang sekali menentang rancangan PAS itu.

Lagipun, ujar beliau, tanpa menguasai dua-pertiga kerusi Parlimen, PAS tidak akan dapat meminda Perlembagaan Persekutuan untuk menubuh negara Islam yang dirancangnya.

Beliau berkata, malah sekiranya PAS menang dua-pertiga kerusi Parlimen sekalipun, parti itu terpaksa mematuhi peruntukan yang termaktub dalam perlembagaan iaitu mendapatkan persetujuan daripada Raja-Raja Melayu selaku ketua agama di negeri-negeri sebelum melaksanakan dasar Islamnya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya, Prof Madya Datuk Abdul Latif Bakar berkata, cita-cita PAS untuk menawan Terengganu, Kedah dan Perlis juga sesuatu yang sukar untuk dicapai berpandukan kepada kemampuan dan kedudukan semasa parti itu di negeri-negeri berkenaan.

Bahkan, katanya, jika tersalah congak tidak mustahil Kelantan yang dikuasainya sekarangpun mungkin terlepas ke tangan BN kerana PAS berjaya menawan negeri itu pada 1990 dan mengekalkan kuasanya pada 1995 semata-mata kerana bekerjasama dengan S46 yang kini sudah tidak wujud lagi.

Pada pilihan raya umum 1995, PAS memenangi 24 daripada 43 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan, manakala S46 menang 12 kerusi dan BN tujuh, termasuk enam Umno dan satu MCA.

Apabila S46 dibubarkan, penguasaan BN meningkat menjadi 17 kerusi setelah 10 ADUN S46 menyertai Umno. Dua lagi ADUN parti itu yang mewakili DUN Tendong dan Kelaburan menyertai PAS.

Di Terengganu pula, PAS hanya memenangi tujuh daripada 32 kerusi DUN, sementara baki 25 lagi dimenangi BN. Di Kedah, PAS hanya memenangi dua daripada 36 kerusi DUN iaitu di kawasan Bukit Raya dan Sala, manakala di Perlis semua 15 kerusi DUNnya dimenangi BN.

Pun begitu, Abdul Latif tidak menolak kemungkinan perkembangan semasa yang membabitkan pelbagai isu termasuk insiden pemecatan Anwar boleh mendorong pengundi bersimpati dan menyokong pembangkang, dan ini memungkinkan PAS meraih beberapa kerusi tambahan di peringkat negeri dan Parlimen.

Bagaimanapun, beliau juga percaya dengan pengalaman politiknya yang begitu luas, BN masih mampu menafikan kemungkinan itu menerusi kempen mematahkan segala dakwah dan tuduhan PAS, terutama pada saat-saat akhir menjelang pilihan raya.

Anggota Parlimen Parit Buntar, Encik Abdul Rahman Sulaiman juga tidak yakin dengan keupayaan PAS dan berkata, jika parti itu mahu menang majoriti mudah, bermakna ia perlu mengalahkan semua calon UMNO yang bertanding di Semenanjung termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menteri-menteri kabinet Melayu yang lain.

Ini, katanya, ialah kerana sebahagian besar daripada 96 kerusi Parlimen di Semenanjung yang majoriti pengundinya Melayu kini dikuasai oleh Umno.

Abdul Rahman juga tidak yakin dengan kemantapan kerjasama parti-parti pembangkang yang digembar-gemburkan, khususnya dalam konteks kerjasama PAS dengan KeAdilan.

Beliau meramalkan, apa yang akan berlaku pada pilihan raya kali ini ialah tiga buah parti politik yang berteraskan Melayu iaitu Umno, PAS dan KeAdilan akan berlawan antara satu sama lain di kawasan-kawasan majoriti pengundi Melayu dan ini akan menyebabkan undi Melayu berpecah.

Abdul Rahman juga menafikan dakwaan PAS kononnya dasar yang dibawa Umno adalah sekular kerana perlembagaan Umno sendiri mempunyai peruntukan yang jelas tentang matlamat perjuangannya untuk menegakkan Islam dan ini telah terbukti daripada rekod perkhidmatannya ke arah itu yang begitu cemerlang.

Menurutnya, Islam yang dikembangkan oleh UMNO mempunyai keseimbangan antara kemajuan duniawi dan kesejahteraan ukhrawi, sedangkan gembur-gembur PAS untuk melaksanakan pemerintahan yang berasaskan Islam di negeri yang dikuasainya iaitu Kelantan hingga kini masih tinggal sebagai satu slogan untuk memancing undi semata-mata.

Kenyataan beliau disokong oleh seorang anggota Majlis Tertinggi UMNO Datuk Wira Mohd Ali Rustam yang mendakwa sehingga ini PAS masih gagal memenuhi janjinya untuk menjadikan pemerintahannya di Kelantan model sebuah kerajaan Islam.

Mohd Ali yang juga Timbalan Menteri Kesihatan berkata, apa yang nyata sekarang pemerintahan PAS itu tidak mempunyai apa-apa perbezaan dengan pemerintahan kerajaan yang dipimpin Umno.

Bahkan, katanya, Umno tidak pernah lari daripada tanggungjawabnya untuk terus meningkatkan usaha menerapkan segala hukum hakam Islam ke dalam sistem pentadbiran negara, sejajar dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi.

Beliau mendakwa, sebenarnya apa yang dirancang oleh PAS, KeAdilan dan DAP bukan ke arah mewujudkan sebuah kerajaan Islam, tetapi sekadar membentuk sebuah kerajaan alternatif dengan kepentingan politik masing-masing.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan rakyat, khususnya umat Islam supaya berwaspada dengan tindak-tanduk PAS dan jangan sekali-kali merperjudikan nasib masa depan dengan memilih parti itu yang mempunyai xdasar yang lemah serta masih samar-samar.

-- Bernama

HT AM